

PROSES KREATIF DALAM MEDIA DIGITAL

CREATIVE PROCESS IN DIGITAL MEDIA

Rohaya Md Ali¹

Phat a/l Awang Deng²

^{1,2}Unit Bahasa, Sastera dan Budaya, Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM)

¹Email: aya@uum.edu.my, ²phat@uum.edu.my

Accepted date: 01-09-2018

Published date: 15-12-2018

To cite this document: Ali, R. M., & Deng, P. A. (2018). Proses Kreatif Dalam Media Digital. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 1(4), 96-106.

Abstrak: Keberdayaan internet dalam dunia digital telah membawa perubahan pada fungsi dan sistem media massa konvensional apabila tumpuan mendapatkan maklumat telah beralih kepada teknologi internet. Kebolehcapaian internet dalam dunia global secara tidak langsung turut menyemarakkan dunia kesusasteraan tanah air apabila ramai ‘pengkarya’ menghasilkan karya dan memasarkan karya dalam media digital untuk dinikmati oleh khalayak sasaran. Kepopularan karya sastera dalam bentuk media digital atau sastera siber ini mendapat tempat yang utama dalam kalangan peminat sastera tanah air dari pelbagai peringkat umur dan latar belakang pendidikan. Timbul satu persoalan ‘ada apa pada karya media digital’ sehinggakan pelbagai jenis laman sesawang yang dibina secara individu atau organisasi menjadi tatapan utama pengunjung untuk menikmati hasil karya yang dipersembahkan. Malahan, ekoran daripada kepopularan karya dalam laman sesawang ini, seterusnya karya tersebut dibukukan oleh penerbit-penerbit popular tanah air. Karya ini kemudiannya diperluaskan sasaran khalayak melalui adaptasi novel kepada filem dan drama. Sehubungan itu makalah ini akan meneliti aspek struktur karya media digital bagi menjelaskan kepopularan karya yang begitu mendapat tempat utama dalam industri penerbitan dan perfileman negara. Penelitian secara analisis teks ini akan menggunakan genre cerpen daripada laman sesawang terpilih dalam membincangkan struktur karya media digital yang memungkinkan karya dalam bentuk siber ini mendapat perhatian daripada kalangan pembaca. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa sastera dalam bentuk media digital secara umumnya telah membawa perkembangan baru dalam dunia kesusasteraan tanah air. Karya sastera telah mengalami penyesuaian dan perubahan akibat perubahan media. Pengisian karya dalam sastera siber dilihat turut membantu menjana ekonomi dalam industri kreatif negara. Fenomena sastera siber juga secara tidak langsung dapat meneruskan kesinambungan berkarya bagi penulis baru dan lama.

Kata Kunci: Media Digital, Proses Kreatif; Karya Sastera, Internet, Struktur Teks

Abstract: Internet empowerment in the digital world has brought about changes in conventional mass media functions and systems when the focus of searching for information has shifted to internet technology. As such, internet accessibility in the global world indirectly

contributes to the world of homeland literature as many 'creators' produce and market their works in digital media to be enjoyed by target audiences. The popularity of literary works in the form of digital media or cyber literature has taken a major place among literary enthusiasts from various ages and educational backgrounds. There is a question of 'what is on digital media so much' that every website that is individually or organizationally built into a visitor's stage enjoy the work being presented. In fact, following the popularity of the work on this website, it was published by popular publishers of the homeland. This work then expanded the target audience through novel adaptation to films and drama. This paper examines the structure of the digital media work to enlighten the popularity of the work that has become a major place in the country's publishing and film industry. The analytical research of this text will use the genre of short stories from selected websites in discussing the structure of digital media work that enables the work in cyberspace to gain attention from readers. The findings show that literature in the form of digital media has generally brought about new developments in the world of literature. Literature works have been adjusted and altered due to media changes. Filing works in cyber literature is seen as helping to generate the economy in the creative industry of the country. The cyber literary phenomenon is also indirectly able to continue the continuity of work for new and old writers.

Keywords: Digital Media, Creative Process, Literary Works, Internet, Text Structure

Pengenalan

Proses kreatif dalam media digital merujuk kepada penghasilan karya dengan menggunakan pelantar media digital sebagai medium untuk berkarya. Kemajuan dalam media digital memperlihatkan hasil kreatif pengkarya dapat diterima oleh khalayak dalam tempoh masa yang amat singkat. Berbanding media konvensional, hasil penerbitan mengambil masa yang lama sebelum sesebuah karya itu dapat dipersembahkan kepada khalayak pembaca. Sehubungan itu, pada hari ini, media digital memainkan peranan penting dalam memasarkan karya kesusasteraan secara pantas, mudah dan murah.

McLuhan pada tahun 1964 dalam bukunya *Understanding Media*, telah memperkenalkan istilah *global village* apabila teknologi internet diperkenalkan. Keadaan ini memberi suatu gambaran keadaan dunia yang terhubung oleh teknologi komunikasi tanpa ada sebarang sekatan dan dunia akan menjadi sebuah perkampungan yang besar dan luas (dalam Violet K. Dixon, 2009;1). Teknologi internet memperlihatkan bahawa jarak beribu batu dan perbezaan waktu bukan lagi halangan untuk berkomunikasi dalam dunia global. Keberdayaan internet dalam dunia digital telah membawa perubahan pada fungsi dan sistem media masa konvensional apabila tumpuan mendapatkan maklumat telah beralih kepada teknologi internet.

Namun begitu, menurut Samsudin A. Rahim (2001:74), kandungan media perlu dilihat daripada dua perspektif iaitu kandungan yang disebar (*content "as sent"*) dan kandungan yang diterima (*content "as received"*). Kandungan yang disebarkan adalah apa yang tersurat manakala kandungan yang diterima adalah yang tersirat yang telah ditafsir oleh penerima. Pengaruh dan kesan yang diterima daripada teknologi internet ini adalah bergantung kepada tafsiran khalayak atau audien ke atas kandungan yang akan turut mempengaruhi konstruk realiti dan identiti budaya.

Kebolehcapaian internet dalam dunia global secara tidak langsung turut menyemarakkan dunia kesusasteraan tanah air apabila ramai 'pengkarya' menghasilkan karya dan memasarkan karya dalam media digital untuk dinikmati oleh khalayak sasaran. Keadaan ini juga menyaksikan

kelahiran ramai pengkarya mencuba kreativiti dalam penghasilan karya kreatif digital dan dihayati oleh khalayak dalam perkampungan global secara lebih interaktif. Segala maklum balas berkaitan sesebuah karya itu, sama ada baik, indah, meninggalkan kesan atau sebaliknya akan mendapat maklum balas dengan cepat dan pantas. Hal ini juga dapat dilihat dalam laman web tertentu atau melalui blog pengkarya apabila jumlah pembacanya meningkat dalam jangka masa yang singkat.

Dekad ini, laman web dan blog menjadi tarikan utama khalayak pembaca sebagai pengisi masa senggang, walau di mana berada. Kemudahan dan kecanggihan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi menyebabkan maklumat diperoleh hanya di hujung jari. Sehubungan itu juga, kewujudan karya sastera secara atas talian bukan suatu perkara baru dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Terdapat pelbagai jenis karya sastera yang dimuat naik dalam laman web dan blog seperti cerpen, novel, puisi dan sebagainya. Sastera siber merupakan medan alternatif bagi pengkarya dan khalayak sastera untuk menikmati hasil kesusasteraan secara cepat dan mudah. Secara tidak langsung, medan digital ini menjadi kesinambungan berkarya bagi pengkarya baru untuk mengenengahkan karya dalam satu perkampungan global. Terdapat beberapa laman sesawang utama yang menyediakan ruang untuk peminat dan juga kelompok penulis, terutamanya generasi baru untuk berkarya. Antaranya ialah Pustakamaya.net., Melayu.com, Karyanet.com.my, arahkiri. cjb.net., idealis-mahasiswa.net, <http://www.esastera.com>, www.penulisan2u.my, <http://www.jendela-kenyalang.ning.com>, www.orangulu.com, dan sebagainya.

Secara umumnya, terdapat lebih 542 laman web khusus untuk sastera siber Melayu di internet. Sekiranya kita menggunakan carian *google*, *cyber literature* terdapat 2,620,000 bahan yang menunjukkan betapa besarnya dunia sastera di laman sesawang (Chew Fong Peng, 2007). Oleh itu, sastera siber pada hari ini telah menjadi satu fenomena yang semakin berkembang luas di alam maya. Sastera siber tidak bermaksud maklumat mengenai buku, karya, penulis atau informasi semata-mata, tetapi meliputi debat, wacana dan *chat room* yang khusus. Sastera siber mempunyai “komuniti sasterawan” yang tersendiri dan sebahagian daripada mereka tidak dikenali di dunia nyata sama ada sebagai penyair atau cerpenis atau novelis. Namun, dalam dunia maya, mereka mempunyai pengikut dan pembaca yang bukan sedikit (Johan Jaafar, 200;42).

Menurut Sohaimi Abdul Aziz (2008), keberadaan sastera dalam era sains dan teknologi menjadi sangat bermakna. Hal ini kerana tanpa sastera, manusia akan kehilangan satu unsur terpenting dalam kehidupan mereka. John Naisbitt (dalam A. Amin Jamaludin, 2012) menyarankan agar manusia mencari teknologi yang mampu memelihara kemanusiaan dan menolak teknologi yang boleh membinasa dan merosakkan manusia dalam proses pencarian makna kehidupan.

Metodologi Kajian

Penelitian ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks. Perbincangan ini akan meneliti kepopularan karya dalam media digital sehingga sebahagian besar karya tersebut kemudiannya diterbitkan oleh penerbit secara bercetak. Karya sastera dalam bentuk media digital atau sastera siber ini mendapat tempat yang utama dalam kalangan peminat sastera tanah air dari pelbagai peringkat umur dan latar belakang pendidikan. Timbul satu persoalan ‘ada apa pada karya?’ sehinggakan pelbagai jenis laman sesawang yang dibina secara individu atau organisasi menjadi tatapan utama pengunjung untuk menikmati hasil karya yang dipersembahkan. Malahan, ekoran daripada kepopularan karya-karya dari laman sesawang internet ini kemudiannya diterbitkan oleh penerbit-penerbit popular tanah air seperti Alaf 21, Buku Prima,

Karyaseni, Jemari Seni, KarnaDya dan Kaki Novel (sekadar menyebut beberapa nama syarikat penerbitan). Hasil kepopularan karya dalam media digital ini juga kemudiannya telah diadaptasi dalam bentuk drama televisyen (TV) dan juga filem. Antara karya popular yang bermula dengan karya internet, seterusnya diterbitkan dalam bentuk cetakan dan kemudiannya diadaptasi dalam bentuk drama TV misalnya *Sebenarnya Saya Isteri Dia*, *Love you Mr Arrogant!* *Sayangku Kapten Mukhriz*, *Suamiku Encik Perfect 10*, *Suamiku Encik Sotong*, *Suamiku Abang Bomba* telah mendapat sambutan yang hebat dalam kalangan pembaca dan penonton. Sehubungan itu, perbincangan makalah ini akan meneliti cerpen atas talian dari laman sesawang [www. penulisan2u.my](http://www.penulisan2u.my). bagi mengenal pasti aspek kepopularan sesebuah karya dalam media digital.

Data kajian adalah daripada genre cerpen dengan memberi tumpuan kepada tiga cerpen utama yang disiarkan pada bulan Disember 2014. Secara keseluruhan terdapat 16 cerpen dan dua novel pada bulan tersebut. Penelitian melibatkan tiga cerpen utama yang mendapat ulasan dan komen tertinggi daripada khalayak pengunjung laman web. Pemilihan cerpen pada bulan tersebut adalah atas justifikasi komen daripada para pengunjung laman web yang membaca cerpen yang dipaparkan. Pada sepanjang tahun 2015 sehingga 2016, jumlah cerpen yang dipaparkan pada setiap bulan hanya berjumlah tiga hingga lima sahaja manakala selebihnya berjumlah 14 paparan adalah genre novel yang dipaparkan secara bersiri.

Perbincangan Kajian

Penulisan2u adalah pemilik laman sesawang yang terdiri daripada sebuah blog cerpen dan Novel *Online* dari Malaysia, Singapore, Indonesia dan Brunei. Laman *Penulisan2u* ditubuhkan pada 2006 bagi memberi peluang dan ruang kepada penulis-penulis untuk berkarya. Laman ini secara tidak langsung menyediakan peluang kepada pengkarya untuk berkongsi hasil penulisan dalam bentuk media digital atau karya siber. Laman sesawang ini memiliki lebih 200,000 Koleksi Cerpen dan Novel *Online*. Pada peringkat awal penubuhan laman sesawang ini, *Penulisan2u* telah berkerjasama dengan beberapa penerbit tempatan, terutamanya dalam menyediakan manuskrip kepada penerbit dan juga menjalankan promosi semenjak tahun 2006. Bermula dari sebuah laman sesawang, *Penulisan2u* telah bergerak selangkah ke hadapan dengan mewujudkan syarikat penerbitan KARYASENI pada tahun 2010, iaitu sebuah syarikat penerbitan novel.

Karya-karya yang menarik di *Penulisan2u* akan diketengahkan kepada penerbit untuk diterbitkan. Ini memberi peluang yang lebih cerah kepada penulis baru untuk bersama-sama memeriahkan dunia penulisan tanahair. Ini terbukti apabila sudah ramai penulis yang berbakat di *Penulisan2u* telah mengeluarkan novel di pasaran hasil kerjasama *Penulisan2u* bersama penerbit. Antaranya ialah *Terlanjur Mencintaimu*, *Bila Hati Kata Sayang*, *Usai... Aku Terima Nikahnya*, *Cantiknya Si Comot*, *Suami Yang Kubenci*, *Kampung Girl*, *Cik Bunga Dan Encik Sombong*, *Sebenarnya, Saya Isteri Dia*, *Love You Mr. Arrogant*, dan beberapa lagi karya popular yang kemudiannya diadaptasi dalam bentuk drama TV dan filem.

Perbincangan ini akan menggunakan pendekatan struktural dalam menganalisis karya sastera. Pendekatan struktural memperlihatkan aspek yang membangun sesebuah karya sama ada secara intrinsik mahupun ekstrinsik. Perbincangan ini menyentuh aspek struktur sesebuah karya yang menyebabkan karya siber ini mendapat perhatian khalayak sehingga menjadi satu fenomena apabila karya popular dalam bentuk siber ini menjadi diskusi dalam kalangan ahli akademik dan juga pengkarya dalam pelbagai peringkat institusi. Perbincangan ini juga turut mengambil pandangan oleh penulis karya romantik tersohor Barat, iaitu Deborah M. Hale (2005) dalam artikel yang bertajuk *The Secret Formula of Romance* yang menjelaskan tentang

formula utama sesebuah karya itu menjadi popular dan diminati oleh khalayak. Menurut beliau, terdapat tiga formula utama dalam sesebuah karya, iaitu watak hero dan heroin, konflik dan cerita berakhir dengan kebahagiaan. Justeru itu, aspek struktur yang paling ketara mendasari cerpen siber ini dapat dilihat pada tema, watak dan plot cerita.

Cerita Cinta dalam Karya Media Digital

Karya sastera dalam bentuk media digital seperti karya popular yang lain, lazimnya mengangkat tema dan persoalan yang berkaitan cinta. Menurut Amida Abdul Hamid (2006), bumbung penting dalam sesebuah cerita ialah kisah cinta yang mendasari sesebuah karya. Dengan adanya kisah cinta ini, khalayak akan terpancing untuk mengikuti kisah suka-duka, resah-tenang, ceria-sepi yang berlaku ke atas watak-watak yang mengalami cinta itu. Khalayak akan teruja untuk membaca, turut merasa debar-gelora yang melanda watak dalam kisah yang dipaparkan.

Penelitian cerpen dalam laman sesawang ini memperlihatkan bahawa tema cinta merupakan antara tema popular yang mendapat perhatian daripada para pengunjung laman ini. Keadaan ini menjelaskan bahawa pembaca karya sastera dalam media konvensional mahupun media digital masih mengekalkan minat untuk membaca cerita cinta yang berkisar cinta antara dua darjat, watak yang kaya raya, tampan, berkerjaya yang akhirnya jatuh cinta dengan seorang gadis kampung yang cantik, atau sebaliknya seorang gadis kota anak seorang kaya yang jatuh cinta dengan seorang pemuda biasa.

Cerpen yang berjudul *Bibik Jangan Pergi* oleh Aisya Ronaldo mendapat perhatian tertinggi dari kalangan pengunjung laman sesawang ini berjumlah 70 komen dan ulasan. Cerpen yang mengangkat tema percintaan antara dua darjat, iaitu tuan rumah dan pembantu rumah secara langsung telah mengembalikan ingatan pembaca kepada kisah lampau dalam masyarakat Melayu suatu ketika dahulu. Walau bagaimanapun, tema ini kekal sehingga hari ini apabila percintaan antara dua golongan sosial yang berbeza ini sering mendapat perhatian khalayak pembaca. Tema sebegini juga merupakan tema yang masih relevan dalam era media digital kini. Oleh kerana kisah cinta adalah sesuatu yang universal bagi semua masyarakat di dunia, maka pemaparan tema sebegini masih mendapat sambutan daripada khalayak.

Cerpen yang mengisahkan percintaan antara Nina Aulia dan Megat Rayyan ini dihalang oleh Datin Maria yang mementingkan darjat dan status keluarga. Calon menantu yang diharapkan bukanlah seorang pembantu rumah tetapi seharusnya mempunyai taraf yang sama dengan keluarganya. Penolakan Datin Maria dalam hubungan cinta yang berbeza darjat dapat dilihat seperti berikut:

“PAK UCOP, itu Rayyan ke?” soal Datin Maria saat terpandangkan aku dan putera bongsunya. Pak Ucop di hadapan sudah tercari-cari. Membundar mata tuanya memerhati luar tingkap Mercedes.

“Mana Datin?”

“Itu haa.. Yang tengah gelak sakan dengan Bik Na tu.” Jari runcingnya ditunding pada aku dan Rayyan. Begitu fokus Pak Ucop mengenali pasti tundingan jari majikannya itu. Tatkala berjaya mengesan, dia tersenyum nipis.

“Ya, Datin. Mereka berdua memang rapat.”

“Rapat macam tu sekali? Hmm.. Rayyan tak pernah beritahu pun,”
Suara Datin Maria kedengaran cemburu dan menyampah. Serba salah

Pak Ucop dibuatnya. “Ala Datin.. Datin pun tahu kan? Rayyan tu bukannya suka sharing. Tahu pendam aje.”

“Memandai aje Pak Ucop ni,” Datin Maria cuba menafikan. Mata garangnya masih tajam memerhatikan kami. Memerhatikan gelagat kami yang tak tumpah seperti pasangan kekasih sejoli. Ada api cemburu di sebalik mata ambernya.

“Saya harap, mereka tak ada apa-apa hubungan..”

“Kalau apa yang sedang berlaku tak seperti yang Datin harapkan?”

“I won’t let it,” ucapnya tegas dan garang. Segarang singa yang sudah lama menahan kelaparan. Kecut perut Pak Ucop memerhati perlakuan majikannya itu. Tampak seperti hatinya penuh dengan dendam. Fikirannya pula penuh dengan perancangan. Haih, Mak Datin ni..lagak seperti watak antagonis pula. “I won’t let it, Pak Ucop. I won’t.”

Percintaan yang semakin hangat antara Nina dan Rayyan akhirnya dapat dihidu oleh Datin Maria sehingga akhirnya atas perancangan yang rapi, Nina dihalau keluar dari rumah agam tersebut. Rayyan yang mempercayai fitnah tersebut turut menyokong ibunya dan Nina tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Cerpen *Encik Bertopeng* oleh Nor Syima juga turut mengangkat kisah cinta antara Encik Bertopeng dan Aisyah Sofea. Namun cerpen ini memaparkan percintaan dari golongan status yang sama antara keduanya. Percintaan yang harmoni dalam kalangan kelas atasan juga merupakan tarikan utama kepada khalayak atau pengunjung laman sosial ini. Komen dan ulasan daripada pengunjung laman ini berjumlah 38 yang keseluruhannya menyambut baik kisah yang dipaparkan dalam cerpen ini. Percintaan antara Aisyah Sofea dan Encik Bertopeng yang merupakan pembantu peribadi ayahnya akhirnya terbongkar apabila Encik Bertopeng itu ialah Tengku Arman.

Berbeza dengan cerpen *Sayang, Kulepaskan Kau Pergi* mengangkat tema ketabahan seorang isteri yang mendapat tahu suaminya disahkan mengidap penyakit leukemia dan hanya mampu meneruskan hidup dalam jangka masa sembilan bulan sahaja lagi. Kehidupan berkeluarga Fakhri Adhli dan Ana dirundung kesedihan atas perkhabaran tersebut. Ana yang sedang sarat mengandung anak kedua mengambil tanggungjawab menguruskan keluarga. Oleh kerana kuatnya ikatan cinta dan kasih antara mereka, Fakhri Adhli dapat hidup lebih lama daripada jangkaan doktor.

Kisah cinta adalah kisah yang tiada penghujungnya. Apa sahaja persoalan berkaitan cinta menjadi tarikan utama kepada khalayak dalam pelbagai situasi. Oleh itu, pelbagai definisi cinta boleh diterjemahkan oleh setiap individu. Hegi dan Bergner (2010) membahagikan ciri penting cinta kepada empat perkara utama, iaitu romantik, ibu bapa, sahabat dan alturistik yang setiap satunya mempunyai perbezaan. Namun begitu, konsep cinta boleh diterjemahkan kepada makna yang lebih luas bergantung kepada pemahaman individu dalam memaknai konsep cinta tersebut.

Penelitian ke atas cerpen dalam laman sesawang ini secara keseluruhannya memperlihatkan dominasi tema cinta. Keadaan ini secara tidak langsung menjadikan sesebuah laman web itu dikunjungi oleh pengunjung dalam jumlah yang ramai. Laman sesawang *Penulisan2u* mencatatkan jumlah pengunjung seramai 8153915 dalam tempoh dua bulan iaitu September dan Oktober 2016 (tarikh capaian pada 6 Oktober 2016). Kepopularan karya siber yang

mendapat komen secara cepat daripada pengunjung, dan capaian internet yang pantas turut melahirkan ramai penulis atau pengkarya atas talian.

Pewarnaan Watak

Deborah M. Hale (2005) menjelaskan tentang pentingnya pewarnaan watak dalam sesebuah karya. Watak merupakan antara penarik utama khalayak memberi tumpuan kepada karya. Watak dan perwatakan juga merupakan unsur penting yang melengkapi struktur sebuah cereka dan menggerakkan plot hingga ke akhir cerita. Peristiwa yang berlaku sepanjang jalan cerita akan memaparkan pelbagai konflik pada diri watak atau antara watak. Sahlan Mohd Saman dan Shaiful Bahri Md Radhi (2005:190) merujuk watak sebagai orang yang mendukung gerak laku dan perjalanan plot sesebuah cerita yang dicipta dan diolah mengikut kehendak pengarang dan ceritanya. Manakala perwatakan merupakan perlakuan watak yang sudah dimasukkan segala ciri atau sifat dan sikap seorang manusia.

Cerpen *Bibik Jangan Pergi* umpamanya, memaparkan watak utama seorang hero sebagai watak yang cukup sempurna secara dalaman dan luaran. Pemaparan watak dalam cerpen dapat dilihat seperti berikut:

“So now we have a maid who can speak in English, dear sons,” ucap Datin Maria dengan riak yang cukup teruja kepada putera-puteranya. Masing-masing tergelak besar mendengar jenaka mummy mereka itu. Aku sekadar tersenyum sambil memandang wajah-wajah mereka satu per satu. Jujur aku katakan, mereka kacak, handsome, gorgeous, fabulous atau apa-apa istilah sekalipun. Rasa seperti berada di kayangan, dipertemukan dengan bidadara-bidadara kacak yang tiada tolok bandingnya. Walaoweh, am I in Malaysia right now?

“Alright Nina, perkenalkan ini Megat Dayyat, my first hero.” Aku tersenyum manis memandang Megat Dayyat a.k.a Collin Morgan a.k.a Merlin. Sumpah, mamat ni macam Merlin atau.. dia memang Merlin? Ha ha mana taknya.. matanya biru, telinganya capang, badannya keding. Sama macam Merlin, serupa macam Merlin.

“Ini pula Megat Qayyum, my second hero,” Oh my God, benarkah apa yang aku lihat ini? Benarkah? Adakah ini realiti atau sekadar.. mimpi ngeri? Gosh, Edward Cullen is just in front of me! Aku sedikit berdeham, cuba untuk mengawal perasaan.

...

My only last hero. No more hero after this,” kata-kata Datin Maria itu dibalas dengan gelak tawa putera-puteranya dan juga bibik-bibiknyanya. Namun, tawa itu langsung tidak aku hiraukan saat sepasang mataku terlihatkan putera bongsunya itu.

“Tay.. Taylor Lautner?”

Cerpen *Miss Mactmaker* memaparkan ketampanan watak hero seperti berikut:

Aku memerhatikan klien di hadapanku ini. Wajahnya tenang tanpa sebaris senyuman. Sesekali dia memutarakan telefon bimbitnya. Nampak sangat dilanda kebosanan.

Memang pakej lengkap betul klien aku seorang ni. Memiliki wajah yang boleh dikatakan mencairkan hati semua gadis, penampilan yang cukup bergaya..

Lazimnya, dalam sesebuah cereka, ketampanan dan kecantikan watak hero atau heroin digambarkan dengan memberi persamaan dengan artis tersohor tanah air mahupun barat. Cerpen *Bibik Jangan Pergi* dalam petikan di atas dapat memberi gambaran tentang ketampanan watak hero apabila menyebut nama artis-artis dari Barat seperti Taylor Lautner, Collin Morgan dan Edward Cullen. Selain ciri fizikal yang menarik pada watak, ciri-ciri dalaman turut membantu dalam memberi warna pada watak ciptaan pengarang. Watak tampan, segak dan bergaya akan mempunyai pakej yang lengkap sekiranya dalamannya disertai sikap baik hati, penyayang, jujur dan sebagainya. Petikan di bawah menjelaskan tentang perwatakan hero yang terdapat dalam cerpen.

Pakai ni. Aku tau kau risaukan bengkak dekat mata kau tu.”
Aku terkaku jadinya. Dia macam dapat teka apa yang berada dalam kepala fikiranku saat ini. Mana taknya, tiba-tiba dia memakaikan aku cermin mata gelap tanpa sempat aku menghalang. Tindakannya yang cukup pantas itu membuatkan aku terkaku.
Aku melihat dia sekilas sebelum menoleh ke arah kereta.
“Thanks.” Hanya itu yang mampu aku ucapkan. Aku jadi kekok pula jadinya. Baik juga lelaki ni. Heh!

(Cerpen *Miss Macthmaker*, 2014)

Tak mahu menyusahkan, cukuplah aku menyusahkan mummy lelaki itu kerana terpaksa membayar gajiku. Biarlah aku berkhidmat selagi aku mampu.

Untuk seketika, aku tercengang terlihatkan keberadaan Rayyan di dalam kolam yang kontang ini. Kaku aku dibuatnya tatkala tangan berotot itu merampas berus dari peganganku. Wajahnya aku pandang tajam. “Sorry sebab berkasar. Saya cuma rasa bertanggungjawab untuk membantu awak.

Do you mind?”

(Cerpen *Bibik Jangan Pergi*,

2014)

Perwatakan watak yang dihiasi dengan segala sifat kebaikan seperti baik hati dan bertanggungjawab menjadi tarikan utama khalayak mendekati sesuatu karya sastera. Lumrah manusia menginginkan sesuatu yang indah dalam hidup, maka karya sastera mempersembahkan segala unsur keindahan tersebut.

Plot Penceritaan

Plot merujuk kepada gaya penceritaan yang terdapat dalam sesebuah karya. Oleh itu, dalam sesebuah cerita atau karya, aspek pengembangan plot memainkan peranan penting kerana dapat membantu pengarang menyusun peristiwa dengan lebih berkesan. Secara umumnya terdapat lima peringkat utama dalam penyusunan plot iaitu permulaan, perkembangan, konflik, klimaks dan peleraian.

Pergerakan plot dalam cerpen di laman sesawang umumnya adalah ringkas dan mudah. Plot bergerak secara konvensional iaitu menurut kronologi dengan adanya permulaan, perkembangan dan peleraian. Kebanyakan cerpen yang diteliti memperlihatkan pergerakan plot yang dimulai dengan pertemuan watak utama iaitu hero dan heroin secara tidak sengaja. Kemudian plot terus berkembang apabila kedua-dua watak utama mula menjalin hubungan cinta. Perkembangan plot akan terus berkembang dengan munculnya beberapa konflik yang

akan membawa kepada klimaks atau kemuncak cerita dan seterusnya cerita akan berakhir dengan kegembiraan atau kesedihan.

Perkembangan plot dalam cerpen *Miss Mactmaker* umpamanya adalah mudah dan ringkas. Cerita dimulai dengan pertemuan watak utama iaitu Izfan Azriel seorang ahli perniagaan dan Airin yang membuka agensi mencari jodoh Syarikat Mix and Match Cinta. Izfan Azriel antara calon yang datang untuk mencari jodoh setelah dipaksa oleh ibunya Datin Azreen. Pada hari yang ditetapkan janji temu, Izfan telah berjumpa dengan kesemua calon yang dikenal pasti namun tidak ada seorang pun yang menarik minatnya. Dalam perbualan sepanjang perjalanan ke pejabat, Izfan mendapati dirinya mempunyai banyak persamaan dengan Airin dan dia telah jatuh cinta kepada Miss Mactmaker. Plot yang mudah dan ringkas ini disusuli konflik dalaman Airin yang berteka-teki tentang calon pilihan Izfan. Konflik tersebut kemudian terlerai apabila Izfan menyatakan dia telah memilih Airin sebagai isterinya kerana keserasian antara mereka.

Manakala plot dalam cerpen *Bibik Jangan Pergi* pula banyak menggunakan teknik imbas kembali dan imbas muka. Permulaan plot dimulakan dengan konflik yang dihadapi oleh Megat Rayyan dan Nina. Kemudian terdapat teknik imbas kembali peristiwa tiga tahun yang lalu iaitu bermulanya bibit cinta antara Nina dan Megat Rayyan. Cerita kemudiannya berkembang dengan menggunakan teknik imbas muka apabila Megat Rayyan bertemu kembali dengan Nina selepas tiga tahun terpisah.

Cerpen *Kulepaskan Kau Pergi* pula memaparkan plot yang konvensional dengan adanya permulaan, perkembangan, klimaks dan peleraian. Ana yang sedang sarat mengandung anak kedua, menerima berita suaminya disahkan mengidap penyakit leukemia. Menerima berita tersebut dengan hati yang luluh apabila suami tercinta Fakhri Adhli hanya mampu bertahan selama sembilan bulan sahaja. Dalam tempoh tersebut, mereka saling mengucapkan kata-kata cinta dan semangat bagi memberi sokongan moral antara satu sama lain. Sehingga anak kedua mereka lahir dan tempoh sembilan bulan seperti perkhabaran doktor telah dilewati, ternyata kuasa Tuhan mengatasi segalanya. Dan pada suatu subuh yang sunyi suaminya telah meninggalkan mereka buat selamanya.

Perkembangan plot dalam sastera siber secara keseluruhan dibina secara mudah dan longgar serta bersifat konvensional (menurut kronologi). Tidak terdapat banyak peristiwa kerana sifat sastera siber itu lazimnya dibaca oleh pengunjung dalam keadaan santai dan bertujuan mencari hiburan serta mengisi masa senggang. Oleh itu, bahasa yang digunakan juga lebih menjurus kepada percampuran antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Ceritanya juga berlegar dalam lingkungan kisah cinta yang terhalang, cinta yang tidak kesampaian dan cinta yang berakhir dengan kebahagiaan.

Kisah cinta yang menjadi paparan utama dalam karya siber adalah kisah hidup masyarakat walau di mana sahaja berada. Kedekatan tema dengan pengalaman khalayak menjadikan sastera siber mendapat sambutan yang menggalakkan dan secara tidak langsung dapat memupuk minat menulis dalam kalangan penulis baru yang sukar disiarkan karya mereka dalam media konvensional. Keadaan ini juga menyebabkan sastera siber semakin berkembang dan mempunyai pengikutnya dalam laman sesawang kerana selera pengunjung memerlukan bahan bacaan ringan tanpa memerlukan penggunaan daya intelektual yang tinggi.

Kesimpulan

Pembinaan aspek struktur karya media digital secara umumnya adalah mudah dan ringkas. Aspek esktrinsik karya seperti pembinaan plot, watak dan latar umpamanya tidak dibina secara

kompleks dan memudahkan pembaca atau khalayak memahami isi karya dengan lebih jelas dan mudah. Karya sastra media digital memperlihatkan dominasi tema cinta secara keseluruhannya. Hal ini kerana tema percintaan adalah bersifat universal yang sering diperkatakan sepanjang masa dan oleh sesiapa sahaja. Kisah hidup masyarakat yang menjadi tarikan utama dalam proses kreatif karya sastra sebagai cerminan kehidupan tidak pernah habis dipersembahkan kepada khalayak pembaca. Kisah cinta adalah antara yang sering dialami oleh setiap manusia dalam kehidupan. Pemaparan kisah cinta dengan lakaran watak yang dekat dengan jiwa pembaca serta disampaikan secara santai menjadikan capaian karya media digital mendapat pautan ramai.

Sastra dalam bentuk media digital secara umumnya telah membawa perkembangan baru dalam dunia kesusasteraan tanah air. Karya sastra telah mengalami penyesuaian dan perubahan akibat perubahan media. Pembaca karya sastra bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Melayu tetapi telah melangkau sempadan geografi negara. Sehubungan itu, pengisian karya dalam sastra siber dilihat turut membantu menjana ekonomi negara. Fenomena sastra siber juga secara tidak langsung dapat meneruskan kesinambungan berkarya bagi penulis baru dan lama.

Rujukan

- A. Amin Jamaluddin. (2012, Oktober). *Sastra dan pasaran*. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara VIII. Diperoleh daripada <https://www.academia.edu>.
- Aisya Ronaldo. (November 2014). *Cerpen Bibik Jangan Pergi*. Diperoleh daripada <http://www.penulisan2u.my>.
- Amida Abdul Hamid. (2006, Disember). 'Nyanyian Tanjung Sepi: Nor Suraya menggembelengkan Cinta Syumul sebagai prioriti dalam Ziarah Insan'. Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Chew Fong Peng. (2007). *Sastra siber dan perkembangannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Deborah M. Hale. (2005). *The secret formula of romance*. Diperoleh daripada <http://www.Deborahhale.com/mobiletipformula.htm>.
- Hegi, Kevin E. & Bergner, Raymond M. (2010). What is Love? An Empirically-Based Essentialist Account. *Journal of Social and Personal Relationships* 27:620-636.
- Iman Lily. (2014, Disember). *Cerpen Sayang, Kulepaskan Kau Pergi*. Diperoleh daripada <http://www.penulisan2u.my>.
- Johan Jaafar. (2004, Februari). Ke arah sastra siber atau E-Sastra. *Dewan Sastra*. 42-44.
- Nor Syima. (2014, Disember). *Cerpen Encik Bertopeng*. Diperoleh daripada <http://www.penulisan2u.my>.
- Sahlan Mohd Saman & Shaiful Bahri Md Radhi. (2005). *Persuratan Melayu: Tradisional ke moden*. Bangi: Penerbit UKM
- Samsudin A. Rahim. (2001). Media dan identiti budaya: Membangunkan industri tempatan yang berdaya tahan. *Jurnal Komunikasi*, 17, 67-80.
- Simanjuntak, Oliver Samuel. (2011). Upaya pemberdayaan masyarakat menuju masyarakat informasi. *Jurnal Telematika*, 8, 1, 29– 66.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2008). *Citra sastra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syazwani Adira. (2014, Disember). *Cerpen Miss Matchmaker*. Diperoleh daripada <http://www.penulisan2u.my>
- Rogers, Everett. M. (1986). *Communication technology: The new media in society*. London: The Free Press

Violet K. Dixon. (2009). Understanding the implications of a global village. *Inquiries Journal*.
Volume 1, 11, 1.